

14 MAR, 2025

Bekalan kelapa, santan kembali stabil

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2



TING Han (tiga dari kanan) ketika meninjau peniaga Pasar Awam Perlis.

Bekalan kelapa, santan kembali stabil

Johor Bahru: Bekalan kelapa terutama santan di negeri ini kembali stabil selepas mengalami kekurangan ketara sejak hujung tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia negeri Lee Ting Han berbincang harga kelapa terutama santan diakui masih tinggi di pasaran berbanding sebelum ini.

Menurutnya, usaha berterusan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) serta agensi lain berjaya memastikan bekalan mencukupi dan diharap terus konsisten sehingga Aifitri.

"Bekalan (kelapa) setakat ini sudah mulai stabil (di Johor), cuma kita akui harga kelapa terutama santan masih lagi tinggi."

"Jika sebelum ini, purata harga santan antara RM12 hingga RM14 sekilogram, namun kini meningkat kepada RM16 hingga RM17 sekilogram.

"Bagaimanapun, kerajaan mengambil langkah proaktif dengan mengajukan Jualan Rahmah bagi membantu rakyat mendapatkan kelapa dan santan pada harga lebih rendah."

"Menerusi Jualan Rahmah, kerajaan Pusat beri subsidi dan diskain 30 peratus. Kita dapat lihat harga santan dijual pada RM12 sekilogram berbanding RM17 sekilogram sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program

Jualan Rahmah Mandani di Pasar Awam Perlis, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah KPDN Johor, Lulis Saslinda Pornomo.

Terdahulu, Ting Han dan Lulis Saslinda meninjau Jualan Rahmah Mandani yang disertai peniaga Pasar Awam Perlis.

Bulan lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dilaporkan mengambil langkah menstabilkan bekalan kelapa domestik dengan mengimport dan menge-darkan 661,761 biji kelapa atau bersamaan 661 metrik tan, dalam menangani isu kekurangan bekalan kelapa negara.

Dalam pada itu, Ting Han berkata, langkah menambah bah stok dan meningkatkan bekalan kelapa di negeri ini akan terus diusahakan bagi menstabilkan harga dalam jangka masa panjang.

"Kita akan terus berusaha memastikan bekalan kekal mencukupi dan harga kembali ke paras yang lebih stabil," katanya.

Sementara itu, peniaga santan Yusri Abdul Hamid berkata, peniaga risau harga santan terpaksa dinaikkan lagi susulan bekalan kelapa masih belum pulih sepenuhnya.

Katanya, walaupun bekalan kelapa didakwa mulai stabil, peniaga masih rasa tempias kekurangan bekalan kelapa yang mendapat permintaan tinggi pada Ramadhan ini.

"Alhamdulillah, dalam masa dua minggu ini pembekal tidak menaikkan harga kelapa seperti sebelum ini," katanya.

Kita akui harga kelapa terutama santan masih lagi tinggi
Ting Han



14 MAR, 2025

Bekalan kelapa, santan kembali stabil

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

TING Han (tiga dari kanan) ketika meninjau peniaga Pasar Awam Perling.

Johor Bahru: Bekalan kelapa terutama santan di negeri ini kembali stabil selepas mengalami kekurangan ketara sejak hujung tahun lalu. Pengurus Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia negeri Lee Ting Han berkata, harga kelapa terutama santan diakui masih tinggi di pasaran berbanding sebelum ini.